

19/06/2004

Melaka negeri pertama tubuh ejen edar dinar emas

By Prof Madya Dr Zuhaimy Ismail

TANGGAL 2 Mac 2003 adalah titik bersejarah bagi Melaka. Yayasan Melaka menjadi agensi kerajaan pertama di Malaysia menubuhkan Wakala Dinar Emas. Pelancarannya disempurnakan Ketua Menteri Melaka, Datuk Seri Mohd Ali Rustam.

Apa itu Wakala? Wakala adalah wakil iaitu ejen mengedar dinar emas, menukar dinar emas (IGD) kepada wang kertas dan wang kertas kepada IGD, juga sebagai penyimpan IGD.

Wakala Yayasan Melaka adalah wakil pengedaran dinar emas di negeri itu. Lesen agensi pengedaran ini dikeluarkan oleh Islamic Mint Sdn Bhd dan IGD Exchange Sdn Bhd.

Rakyat Melaka khasnya dan Malaysia amnya harus bersyukur dengan usaha ini. Pembukaan Wakala IGD Melaka ini akan membuka ruang untuk pembangunan ekonomi berteraskan dinar emas serta memudahkan lagi masyarakat memiliki dinar emas ini.

Bila disebut dinar emas, ramai yang menyangka bahawa ini hanya untuk orang Islam. Sebenarnya dinar emas atau IGD bukan untuk sesuatu kaum atau agama. Perkataan dinar datangnya daripada perkataan Roman (iaitu denar). Wang emas digunakan sebelum Rasulullah, pada zaman Rasulullah dan selepas Rasulullah.

Dinar emas kemudian diapiawaikan oleh Saidina Omar mengikut ukuran 4.25 gram emas 22 karat, manakala dirham perak mengikut ukuran 2.975 gram perak sterling.

Sejak itulah dinar emas dikenali sebagai mata wang yang mengikut piawaian ditetapkan. Kejatuhan pemerintahan Khalifah Uthmaniah di Turki pada 1924, bermulalah titik penggunaan wang kertas menggantikan dinar emas secara meluas.

IGD kini boleh diterima semua bangsa di Malaysia dan ini terbukti dengan bilangan mereka yang hadir pada majlis pelancaran Wakala Yayasan Melaka.

Masyarakat harus sedar riba itu dibenci dan dimusuhi semua agama. Agama Kristian memang lantang menentang riba, ahli falsafah seperti Plato juga menentang riba. Ini termasuk agama Yahudi, malangnya mereka memutarbelit dan meletakkan pengharaman ini cuma kepada seagama dengan mereka, tetapi boleh dikenakan riba kepada orang yang bukan beragama atau berbangsa Yahudi.

Dalam ucapan pelancarannya, Mohd Ali menekankan bahawa dinar emas stabil kerana ia adalah sistem mata wang yang mantap dan tidak dipengaruhi inflasi, dapat mengurangkan spekulasi pertukaran wang asing dan seterusnya mampu membebaskan negara daripada pergantungan kepada dolar Amerika.

Suatu kenyataan yang tepat. Dalam keadaan kadar pertukaran asing tidak menentu ini, pengenalan dinar emas kepada masyarakat pula tepat pada masanya.

Beliau seterusnya berharap supaya pembentukan Wakala Yayasan Melaka menjadikan Melaka pusat pertukaran wang kertas kepada IGD dan IGD kepada wang kertas.

Pada 1997, kita pernah mendengar bahawa Tun Dr Mahathir Mohamad mencadangkan IGD digunakan untuk perdagangan antarabangsa. Mekanisme pelaksanaan perdagangan sudah dibangunkan oleh IGD Exchange Sdn Bhd dan kini kita sudah miliki Wakala dinar emas supaya masyarakat boleh mendapatkan IGD.

Jika dulu kita menghadapi kesukaran mendapatkan dinar emas atau ada dinar emas tetapi sukar untuk menukar kepada wang kertas apabila ingin

menggunakan di kedai biasa, sekarang ini kemudahan itu sudah wujud di Melaka.

Mohd Ali berkata, IGD boleh digunakan sebagai mekanisme dalam pembayaran zakat, mas kahwin, bayaran untuk mengerjakan haji dan penggunaan lain yang berkaitan dan sejajar dengan mesej Islam.

Apa dilakukan Melaka itu sebagai melaksanakan amalan agama amat penting sekali. Mengikut sejarah, Melaka sudah menggunakan IGD sejak kurun ke-16 lagi. Ini terbukti dalam rekod sejarah tercatat dalam Kanun Melaka, Fasal 33, berkaitan hukum memberi modal kepada seseorang.

"Bahawa berkata yang memberi emas itu kepada yang disuruhnya itu. Ambillah olehmu dinar emas atau perak, perniagakan olehmu, labanya terkena akan engkau sakalian hendaklah dia tentukan laba perniagaan itu, antaranya itu binasa atau rugi tiadalah dapat menyilih perniagaan itu hilang harta...."

Ini menunjukkan bahawa Melaka pernah menggunakan mata wang dinar emas dalam urusan perdagangan atau tegasnya dinar emas adalah mata wang ketika itu.

Catatan dalam Fasa 33 Kanun Melaka juga menunjukkan perdagangan menggunakan konsep qirad menjadi amalan di Melaka. Ia dilakukan apabila seseorang itu memberi barang atau dinar emasnya untuk berniaga dan keuntungan perniagaan dibahagikan mengikut pembahagian yang dipersetujui di atas keuntungan dan bukan di atas modal yang dikeluarkan.

Fasal ini jelas menyatakan "...ambillah olehmu dinar emas atau perak," rujuk Hukum Kanun Melaka karangan Abu Hassan Sham terbitan Perbadanan Muzium Melaka, 1995.

Pada fasal 32 pula ada menyatakan: "...jikalau meminta seseorang laki-laki seratus dinar emas, maka ikrarkan ia, maka disuluhkan dengan seribu dirham seperti hukum berniaga emas dan perak".

Ini jelas menunjukkan bahawa peraturan perdagangan dan perniagaan telah dijalankan di Melaka menggunakan dinar emas. Pelbagai peradaban perniagaan yang diizinkan mengikut syarak ada tercatat dalam Kitab Hukum Kanun Melaka.

Jadi dinar emas bukan asing untuk rakyat Melaka. Kalau kita katakan sejarah sering kali berulang, peristiwa pembukaan Wakala Yayasan Melaka adalah suatu sejarah di mana kita mendapati bahawa dinar emas akan mula beredar di kalangan masyarakat khususnya umat Islam bagi tujuan simpanan, zakat, mas kahwin, hadiah dan perhiasan. Adalah diharapkan negeri lain akan mengikut jejak langkah negeri Melaka dan membuka Wakala atau wakil tempat pertukaran IGD.

Dalam penulisan lalu, kita ada menyatakan bahawa kembalinya dinar emas ini seharusnya dilakukan dengan membangunkan mekanisme utama iaitu percetakan dinar emas, penubuhan pasar Islam dan pembangunan perniagaan qirad.

Pembentukan Wakala di Melaka memulakan langkah untuk membolehkan masyarakat memiliki dinar emas yang boleh digunakan sebagai mata wang, pembayaran zakat, mas kahwin, hadiah dan perhiasan.

Usaha untuk mengembalikan dinar emas adalah berasaskan ketakwaan kepada Allah, melarang umat Islam mengambil riba serta Allah dan Rasul-Nya mengisytiharkan perang terhadap mereka yang mengambil riba dan tidak meninggalkan sisi riba.

(END)